

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIV)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

18. Apakah yang telah dirancangkan oleh Kerajaan Negeri untuk menaik taraf dan meluaskan *Penang Free WiFi* khususnya kepada seluruh Seberang Perai untuk menjayakan visi *Smart City* Kerajaan Negeri?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. *Penang Free Wifi* (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan 1,560 Access Points (APs) di 40 KADUN Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini pada 13 Februari 2019 kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap *bandwidth* dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) tidak memuaskan. Keputusan ini juga diambil berdasarkan kaji selidik oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2018 mengenai kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan tersebut dan majoriti pengguna tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah disediakan.

Bagi meneruskan usaha menyediakan perkhidmatan *wifi* percuma di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. telah melaksanakan penawaran tender *Request for Proposal* (RFP) secara terbuka sebanyak dua (2) kali, namun pembida-pembida gagal untuk menepati kriteria-kriteria utama yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memasukkan elemen *wifi* percuma sebagai satu komponen dalam projek-projek Kerajaan Negeri seperti projek Perhentian Bas Pintar, projek *Smart Street Pole* dan lain-lain.

Antara kriteria baharu cadangan *wifi* percuma yang dipertimbangkan adalah pelaksanaan perkhidmatan ini di kawasan tumpuan awam seperti pejabat kerajaan, sekolah, pasar awam dan lain-lain.

Kerajaan Negeri percaya perkhidmatan *wifi* percuma perlu disediakan di kawasan-kawasan yang berimpak tinggi terutama sekali dalam meningkatkan usaha untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan masyarakat.